



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 19 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	INDUSTRI TERNAKAN ARNAB MAKIN BERKEMBANG, NEGERI, HARAKAH -N14 FOOD SECURITY SHOULD BE THE FOCUS, VIEWS, THE STAR -18 MAFI, PPK BINCANG KAEDAH SELESAI ISU BENIH PADI, DUN KEDAH, SINAR HARIAN -28 GOVT CONSIDERING NEW APPLICATIONS FOR TRAWL NET, ONLINE, BORNEO POST (KK)	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8. 9.	LAMBAKAN IKAN, HASIL LAUT TIDAK TERJUAL, NEGERI, SINAR HARIAN, 30 NELAYAN KAWASAN SEMERAK, PASIR PUTEH 'GANTUNG' PUKAT, TIDAK DAPAT TURUN KE LAUT, NEGERI, SINAR HARIAN -26 SUNGAI KAHANG LUBUK UDANG, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -19 20 USAHAWAN, USAHAWAN TANI TERIMA BANTUAN, KOMUNITI KITA, UM -42 FOCUS ON FOOD SECURITY, ONLINE, BORNEO POST (KK)	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Industri ternakan arnab makin berkembang

Oleh

SALMAH MAT HUSAIN

KOTA BHARU: Kerajaan menggalakkan orang ramai memajukan industri penternakan arnab memandangkan sambutan begitu membesar berbangsa sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, biarpun ia bukan komoditi negara namun kini projek berkenaan dilihat semakin berkembang.

Katanya, populasi

arnab pedaging di Kelantan menunjukkan pertumbuhan yang sangat memburu berbangsa sejak lima tahun kebelakangan ini.

Katanya sehingga tahun ini terdapat 10,506 ekor arnab di Kelantan.

"Sedangkan pada 2015 hanya ada 1,309 ekor dengan bilangan penternak seramai 301 orang.

"Pengehwaran daging arnab di Kelantan secara purata adalah 1,000 kilogram sebulan dengan harga jualan karkas RM35 perkilogram dan RM48 kilo-

gram untuk daging tanpa tulang," ujarnya selepas melawat projek arnab pedaging di Kampung Pasir Pekan baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berharap industri berkenaan terus berkembang seiring dengan industri lain bagi menampung keperluan makanan negara.

Che Abdullah juga berkata, berat karkas arnab antara 1 kilogram hingga 1.6 kg seekor.

Menurutnya juga arnab boleh disembelih pada umur 90 hari.



Che Abdullah Mat Nawi melawat projek ternakan arnab pedaging di Kampung Pasir Pekan.

Food security should be the focus

SINCE it was formed in 1955, the Agriculture Ministry has gone through eight different name changes and seen 19 ministers, but its roles and functions have been more or less centred on agriculture, fisheries, aquaculture and food production.

What is behind the plan to raise rice production now? Is it because of population growth or the high cost of our annual food imports, which amount to RM53bil?

Over the past two years, the theme of the Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism show has been "Our Food Our Future".

In those years, many countries have been very concerned about food security.

Food security is vital to any country especially in terms of stability.

Now, every incoming minister would be briefed by the ministry's officials on the food import statistics and urgent need to reduce the amount.

The minister said Malaysia does not have a big land mass like Thailand or Vietnam to enjoy higher production, but that is not the problem.

The problems Malaysia faces are low yield and disease.

Diseases afflicting our crops are reducing their yield and we are using more pesticides to address the problem.

As an example, there is a disease called Panama disease that is reducing the yield and life span of bananas worldwide.

Our agriculture sector needs to address the issues of mortality, low yield and diseases.

The ministry should fund Mardi (Malaysia Agricultural Research and Development Institute) to do this.

DATUK ALEX LYI
CEO, Micronutrient
Technology Malaysia

MAFI, PPK bincang kaedah selesai isu benih padi

ALOR SETAR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) masih berbincang bersama pemegang taruh termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk mengenal pasti kaedah terbaik pengedaran benih padi susulan bercadang melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pengedar tunggal benih padi sah bermula tahun depan.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India, Azman Nasrudin berkata, langkah itu diambil bagi mengatasi permasalahan benih padi yang sering dihadapi pesawah selain membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dapat dilakukan.

“Saya percaya pemilihan Nafas berdasarkan kepada pengalaman dimiliki dalam pengedaran skim bantuan baja padi. Ia juga dapat memastikan edaran benih padi diedar secara terus kepada pesawah,” katanya ketika menjawab soalan lisan Mansor Zakaria (Pas-Kuala Ketil) semalam.

Azman turut senada dengan pandangan Ketua Pembangkang DUN Kedah, Datuk Phahrolrazi Zawawi yang mencadangkan pengedaran benih



AZMAN NASRUDIN

padi diuruskan oleh PPK bagi mengelak ketirisan.

“Saya setuju kerana PPK main peranan dalam isu ini disebabkan itu Nafas masih bincang dengan PPK untuk cari kaedah berkesan supaya edaran lebih efisien, elakkan kekurangan bekalan serta dimanipulasi pihak tertentu,” katanya.

Menurutnya, beberapa langkah awal telah diambil sebelum bermulanya musim penanaman 2/2020 bersama agensi terlibat termasuk tiga pengeluar benih padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhubung pengagihan kuota, pesanan benih lebih awal, menetapkan jadual bekalan air dan permulaan musim berdasarkan situasi bekalan benih serta mengemas kini maklumat stok bekalan benih padi sah secara mingguan.

“Antara cadangan tambahan menambah baik pengeluaran dan pengedaran benih padi masa hadapan; memberi kuota pengeluaran lebih kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana kawalan lebih mudah ke atas harga dan kualiti; menetapkan harga siling benih padi dan syarat peratusan jualan melalui PPK lebih tinggi berbanding ejen dilantik selain memantau harga akhir jualan kepada peladang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2020	BORNEO POST (KK)	ONLINE	

GOVT CONSIDERING NEW APPLICATIONS FOR TRAWL NET

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Industry Ministry, through the Fisheries Department, is considering new licence applications for additional equipment for trawl fishing during the monsoon season (PTMT) to Zone A vessel owners. Its deputy minister, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi, said the vessel owners are required to comply with the necessary conditions, such as the need for the vessels to be installed with turtle exclusion device equipment. "However, the number of special approvals for PTMT equipment license is subject to the capacity and resilience of an area compared to existing fisheries resources. "This is to ensure the fisheries resources can be managed sustainably, reduce congestion in the catch zone and avoid conflicts among fishermen," he said during the question and answer session at the Dewan Rakyat here yesterday. He was responding to a question from Shaharizukir Naini Abd Kadir (PAS-Setiu) on whether the ministry would consider approving temporary trawl license to catch shrimp to fishermen during the monsoon season. Che Abdullah said as of October 2020, the Fisheries Department had issued 148 temporary trawl licenses for additional equipment for the purpose of catching shrimp during the monsoon season, which is from November to March. - Bernama

Lambakan ikan, hasil laut tidak terjual

Pendapatan 77 nelayan
Kampung Orang Asli
Kuala Masai terjejas
sejak pelaksanaan PKPB

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

PASIR GUDANG

Persatuan Nelayan
Orang Asli Kuala Ma-
sai berdepan masalah
lambakan ikan dan has-
sil laut yang tidak terjual di Pa-
sar Bayu, Tebrau di sini sejak
Perintah Kawalan Pergerakan
Bersyarat (PKPB) dikuatku-
asakan.

Pengerusinya, Kelah Lah,
40, berkata, keadaan tersebut
menjejaskan sumber pendapat-
an sampingan 77 nelayan Kam-
pung Orang Asli Kuala Masai.

“Kita harap ada pemborong
masuk ke kampung kami dan
membeli ikan serta hasil laut
secara terus dengan kami tanpa
ada orang tengah. Ketika ini
apabila kami menghantar ikan
dan hasil laut ke Pasar Bayu,
merekah tidak lagi menerimanya.

“Orang ramai tidak keluar
ke rumah kerana PKPB selain
pelanggan tidak mempunyai
wang untuk membeli ikan,
sotong dan ketam yang dijual,”
katanya ketika ditemui
pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kelah
berkata, sebelum ini nelayan
memperoleh pendapatan
RM1,500 menjual ikan dan
hasil laut dalam sebulan, namun
selepas PKPB mereka hanya



Kelah memunggah hasil kupang yang diternak dan diusahakan penduduk di
Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang semalam.

mendapat antara RM700 hingga
RM800 sebulan.

Kelah yang juga Pengerusi
Kampung Orang Asli Kuala
Masai berkata, semua penduduk
sebelum ini bekerja sebagai
nelayan sepenuh masa, namun
disebabkan pembangunan, ikan
dan hasil laut makin ber-
kurangan menyebabkan mereka
menternak kupang sepenuh
masa.

Bagaimanapun, katanya,
penternakan kupang turut
menerima tempas kesan
daripada projek pembangunan
berdekatan dengan penempatan
mereka sehingga menyebabk-
an kawasan perairan menjadi keruh
dan kotor.

“Ini termasuk terdapat
bahan kimia yang menjejaskan
penternakan kupang. Selepas
menambak laut untuk projek
pembangunan, mereka membu-
at satu benteng. Akibatnya kita
hanya dapat menuai kira-kira

40 peratus hasil kupang mana-
kala 60 peratus daripadanya
mengalami kerugian.

“Jika tidak ada benteng lagi
teruk, penternakan kupang akan
mengalami kerugian sehingga
90 peratus. Kira-kira 70 peratus
penternakan kupang di sini di-
miliki orang asli di kampung
ini,” katanya.

Dalam pada itu, Kelah me-
maklumkan bahawa ternakan
kupang yang diusahakan itu
dimiliki Petronas, Jabatan Ke-
majuan Orang Asli (Jakoa) dan
Pihak Berkuasa Wilayah Pem-
bangunan Iskandar (IRDA),
namun diusahakan oleh pendu-
duk orang asli tempatan.

Katanya, beliau bimbang
sekiranya kawasan ternakan
kupang terus dicemari dengan
kandungan air kotor dan me-
ngandungi kimia ternakan ku-
pang tidak akan menjadi malah
terbantut sekali gus tidak dapat
dijual.

Nelayan kawasan Semarak, Pasir Putih 'gantung' pukut, tidak dapat turun ke laut



Zahari memeriksa bot yang akan dipindahkan ke kawasan semamat oleh nelayan bagi mengaktifkan dipukut ombak dan angin kencang sepanjang musim tengkujuh.

PASIR PUTEH - Nelayan di kawasan Semarak di sini mula 'gantung' pukut tanda bercuti daripada melakukan aktiviti menangkap ikan sejak awal November lalu ekoran cuaca yang tidak menentu selain keadaan laut bergelora ketika ini kesan Monsun Timur Laut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati rata-rata nelayan sudah mula menaikkan bot-bot mereka ke kawasan lebih selamat sekali gus menandakan mereka akan bercuti lama.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Semarak, Zahari Samat

berkata, persiapan awal itu mengelakkan bot-bot yang digunakan untuk mencari rezeki bagi menyara keluarga rosak dipukul ombak kuat dan angin kencang sepanjang musim tengkujuh. "Sebelum tengkujuh bot-bot ini kita hanya letak di kawasan pesisir pantai.

"Jadi masuk sahaja musim tengkujuh kita pindah ke tempat yang lebih jauh dari pantai dan selamat," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, kebiasaannya nelayan akan mula bercuti daripada melakukan aktiviti di laut

bermula November hingga Mac tahun depan.

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu, hampir 95 peratus golongan nelayan terpaksa mata pencarian apabila tidak dapat turun ke laut.

Katanya, sepanjang tempoh itulah mereka akan 'mengorek' tabung yang ada untuk menenaskan kehidupan sebelum dapat turun ke laut menangkap ikan pada April tahun depan.

"Selain itu, golongan nelayan turut bergantung kepada bantuan daripada kerajaan sepanjang tempoh tersebut," katanya.

Sungai Kahang Lubuk udang

Keadaan air tak tercemar, hasil tangkapan pemancing meningkat

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Sungai Kahang di sini yang tidak pernah tercemar menjadi 'lubuk rezeki' kepada puluhan pemancing hingga aktiviti memancing ibarat pesta apabila mereka berjaya membawa pulang tangkapan antara tiga hingga lima kilogram udang galah.

Pemancing, Muhammad Shukor Shafee Umuq, 46, berkata pendapatan pemancing khususnya mereka yang menjadi nelayan darat meningkat sekali ganda kerana mampu menaikkan udang bersaiz A dalam kuantiti banyak setiap kali ke sungai.

Muhammad Shukor Shafee berkata, ada pemancing sanggup bermalam antara satu hingga dua malam selepas mendapati tangkapan meningkat yang mungkin berpunca daripada keadaan air yang tidak tercemar.

"Jika kena pada lubuknya, seorang pemancing boleh bawa balik hingga lima kilogram sehari dan keadaan ini jarang berlaku sejak saya melakukan aktiviti memancing udang galah selepas bersara daripada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kira-kira lapan tahun lalu.

"Keadaan seperti ini berlaku mungkin kerana sejak saya melakukan aktiviti memancing di sungai ini, tidak pernah lagi ada sebarang insiden pencemaran di hulu sungai dilaporkan," katanya kepada BH di sini.

Sementara itu, Khiruddin Kamarulzaman, 35, yang kebiasaannya turun memancing setiap hujung minggu di kawasan perkampungan Orang Asli Tanah Abang sanggup beralih arah ke Sungai Kahang selepas menda-



Muhammad Shukor Shafee menunjukkan udang galah yang dipancing di Sungai Kahang.

pati fenomena udang galah 'lapan' di sungai berkenaan.

Katanya, setiap waktu terluang dan cuti hujung minggu akan digunakan sebaik-baiknya bersama rakannya untuk mendapat-

kan tangkapan yang lumayan setiap kali turun memancing.

"Malah ada rakan-rakan sudah membuat tempahan awal sekiranya mengetahui kami turun memancing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	42

20 usahawan, usahawan tani terima bantuan

SERAMAI 20 usahawan bumiputera di Parlimen Tasek Gelugor, Pulau Pinang menerima sumbangan peralatan berkaitan pertanian serta keusahawanan dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM87,000.

Selain dalam bentuk wang tunai, mereka juga menerima beberapa bantuan peralatan seperti set khemah, dapur gas, peti sejuk beku, mesin rumput dan mesin pengepam racun.

Bantuan disampaikan Ahli Parlimen Tasek Gelugor yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP), Datuk Shabudin Yahaya.

Menurut Shabudin yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), kerajaan akan sentiasa menimbang dan memperhakis sebarang bentuk bantuan kepada usahawan serta usahawan tani bumiputera yang layak.

Katanya, keutamaan diberikan kepada mereka yang sedang bermaga atau bertani kerana kumpulan itu lebih memerlukan bantuan buat masa ini.



■ SHABUDIN YAHAYA (tengah) menyampaikan mesin pengepam racun untuk kegunaan usahawan sempena penyerahan bantuan pertanian dan keusahawanan di Pulau Pinang, baru-baru ini.